

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2014

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kehilangan pendapatan yang ditanggung Kerajaan daripada hasil cukai akibat kegiatan penyeludupan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah nilai rampasan ke atas kesalahan penyeludupan bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM602.9 juta,

manakala bagi tahun 2013 adalah RM646.52 juta. Barangan yang terlibat dengan penyeludupan adalah seperti dadah, kenderaan, rokok, minuman keras, tekstil serta komoditi lain-lain termasuk petrol, diesel, beras, tepung, gula, minyak masak dan gas memasak. Jumlah kehilangan pendapatan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam bentuk kehilangan hasil cukai akibat kegiatan penyeludupan tersebut bagi tahun 2012 ialah RM435 juta manakala bagi tahun 2013 ialah RM407.4 juta.